



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah dan menggunakan Sistem **ePerolehan** bagi menyertai sebut harga berikut:

No. / Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga	Kaedah Perolehan
JPA(S)23/2019 Sebut Harga Membekal, Memasang, Membangun, Menguji Dan Mentauliah Lesen Perisian Sistem Robotic Process Automation (RPA) Di Bawah Digital Government Competency And Capability Readiness (DGCCR) Sektor Awam 2019 Untuk Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	210103 Dan 210104	26 September 2019 (Khamis), jam 12.00 tengah hari. Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebut harga tidak akan dipertimbangkan	Secara ePerolehan

2. Penyebutharga yang ingin menyertai sebut harga ini mestilah ePerolehan *enabled*. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai 14 September **2019 (Sabtu)** melalui laman web www.eperolehan.com.my.
 3. Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam Sistem ePerolehan pada atau sebelum **26 September 2019 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**.
 4. Satu sesi **taklimat** akan diberikan kepada Penyebutharga dan **PENYEBUTHARGA DIWAJIBKAN hadir**. Sila bawa bersama Sijil Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada), berserta dengan salinan fotostat (tidak dikembalikan). Hanya **penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja** yang boleh menghadiri sesi taklimat atau lawatan tapak. Penyebutharga **tidak boleh mewakili** pegawai selain daripada penama di dalam Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan. Taklimat akan diadakan seperti berikut :
- Tarikh : 18 September 2019 (Rabu)**
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Bilik Mesyuarat Seroja, Jabatan Perkhidmatan Awam, Aras 11, Blok C1, Kompleks C, 62510 Putrajaya
5. Tawaran Sebut Harga yang lewat dikemukakan melalui Sistem ePerolehan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
 6. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai Sebut Harga tersebut, hendaklah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

Spesifikasi

- | | | | |
|------|--------------------------------------|---|--------------|
| (i) | Puan Muhaini binti Yahya | - | 03-8885 3829 |
| (ii) | Puan Siti Nurillah binti Mohd Fadzil | - | 03-8885 3063 |

Dokumentasi

- | | | | |
|------|-------------------------------------|---|--------------|
| (i) | Encik Mohd Khairul Annuar bin Osman | - | 03-8885 3035 |
| (ii) | Puan Che Zuraidah binti Che Daud | - | 03-8885 3796 |